

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani masalah pembayaran tertunggak caj perubatan terutama pendatang asing di klinik ataupun hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bil-bil hospital pesakit terutamanya pesakit warganegara asing dapat dikutip, Kementerian ini melalui hospital-hospital KKM sentiasa berusaha melaksanakan *Standard Operating Procedure (SOP)* berhubung kutipan hasil dengan memastikan pesakit membuat bayaran deposit atau caj rawatan bagi kemasukan ke hospital.

Walaupun bagaimanapun sekiranya berlakunya kes-kes kecemasan dan disahkan oleh Pegawai Perubatan bila rawatan perlu diberikan pesakit warga asing tidak dinafikan perkhidmatan rawatan sungguhpun mereka tidak membayar deposit atau caj rawatan. Bagi pesakit yang dimasukkan ke wad dengan segera tanpa bayaran deposit, pesakit akan dimaklumkan untuk membayar deposit berkenaan dan segala usaha perlu diambil bagi mengutip bayaran deposit atau caj rawatan tersebut. Selain daripada itu, pihak wad juga sentiasa memantau dan mengemaskini kepingan caj setiap hari dan mengutip deposit tambahan daripada pesakit yang mempunyai bil melebihi jumlah deposit.

Bagi mengutip jumlah yang perlu dibayar oleh pesakit warga asing, pihak hospital juga memastikan rekod-rekod pesakit seperti alamat yang lengkap, nombor telefon dan waris yang boleh dihubungi sebelum pesakit didiscaj. Sekiranya pesakit masih juga gagal membuat bayaran, notis tuntutan secara berjadual akan dikemukakan kepada pesakit bagi menuntut bayaran yang tertunggak. Selain itu, bil-bil rawatan yang tertunggak juga dikemukakan ke Pejabat Konsul atau Kedutaan untuk tujuan pembayaran.